

**Kecenderungan Psikologi Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi
terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di Kalangan Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
*(The Inclination of Students' Psychology Towards The Learning of
Arabic at Institutions of Higher Education: A Study Among Students at
The Universiti Sains Islam Malaysia (USIM))*

Wan Azura Wan Ahmad¹, Lubna Abd. Rahman
Universiti Sains Islam Malaysia

Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin
Universiti Malaysia Pahang

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan psikologi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap pembelajaran bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab di IPT merupakan kesinambungan pembelajaran di peringkat menengah rendah, menengah atas dan tertiar-matrikulasi. Permasalahan kajian bertitik tolak daripada isu berkaitan penguasaan dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang kurang memberangsangkan walaupun pendedahan dan kemudahan pengajian bahasa yang disediakan oleh pihak IPT sudah mencukupi. Kajian ini menggunakan reka bentuk soal selidik. Subjek kajian terdiri daripada 100 orang pelajar Tahun Satu di dua buah fakulti di USIM yang menetapkan bahasa Arab sebagai keperluan dan prasyarat pengajian di samping latar belakang pengalaman pembelajaran bahasa di peringkat persekolahan. Dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor seperti latar belakang pelajar, minat, motivasi, persekitaran dan teknologi pendidikan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran bahasa. Namun, bagi mendapatkan keputusan kajian yang lebih komprehensif, kajian lanjutan perlu dijalankan yang meliputi pemboleh ubah dan konstruk lain serta sampel kajian daripada setiap fakulti, institusi, tahun pengajian, dan sebagainya. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman aspek-aspek kecenderungan psikologi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab khusus dalam konteks institusi pengajian tinggi. Beberapa strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan turut disarankan bagi meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa ini dalam kalangan pelajar.

¹ Corresponding author : Wan Azura Wan Ahmad, Universiti Sains Islam, e-mail: wanazura@usim.edu.my

Kata kunci: Bahasa Arab, pengajaran dan pembelajaran, strategi pembelajaran bahasa, pembelajaran berpusatkan pelajar, psikologi di institusi pendidikan

Abstract

This study aims to identify key factors that affect the psychological preference towards Arabic language learning among students in Higher Education Institutions (HEI). Learning Arabic in HEI is a continuation of learning Arabic language in lower secondary, upper secondary and tertiary level-matriculation. Research problem was derived from the issue of Arabic language proficiency and achievement among university students which showed less favorable results despite sufficient exposure and learning facilities provided by the institutions. This study employed survey research design that involved a participant of 100 first year students from two respective faculties in USIM where Arabic is a requirement and pre-requisite for their studies. In addition, most of the students had been exposed to this language acquisition process during their school years. Findings indicate that the factors such as students' background, interests, motivation, environment and educational technology play such important roles in determining the success of learning a language. However, in order to obtain more comprehensive results, further research needs to be done which includes other variables, constructs and samples from each faculty, institutions, year of study and etc. This study contributes to the understanding of psychological preference towards Arabic language learning in the context of higher education. Several strategies and approaches of teaching and learning have been proposed to enhance the skills and language proficiency among students.

Keywords: Arabic language, teaching and learning, language learning strategies, student-centred learning, psychology in education institutions

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang penting di dunia. Bahasa yang menduduki tempat keenam di dunia dengan anggaran 186 milion penutur ini telah dinobatkan sebagai salah satu bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Sebagai sebuah bahasa yang dikategorikan dalam kelompok bahasa kedua/bahasa asing [*second languages (L2)/foreign languages (F/L)*], ia berkembang sebagai bahasa dunia dalam arus pendidikan global. Penubuhan unit dan institusi pengajian di negara-negara selain negara Arab seperti di Amerika, Britain, termasuk Malaysia membuktikan penerimaan bahasa ini di peringkat antarabangsa. Antara institusi luar Tanah Arab yang menawarkan program bahasa Arab ialah Universiti of London menerusi The School of Oriental and African Studies, Heriot-Watt University,

Edinburgh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Wan Azura, Lubna, Arnida, & Ahmad Pangidoan, 2006). Lantaran pengiktirafan bahasa ini di persada antarabangsa dan di Malaysia, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa ini agak unik. Keunikan ini dilihat dari segi cabaran seseorang individu dalam proses mempelajari bahasa ini apabila mereka perlu mengenali bahasa yang mereka tidak biasa atau mengenalnya (iaitu bukan sebagai bahasa pertama), seterusnya menjadikannya sebahagian daripada diri mereka atau seolah-olah sebagai penutur pertama bahasa tersebut. Pembelajaran bahasa kedua/bahasa asing juga memerlukan pendekatan dan strategi yang unik bagi memudahkan kefahaman dan penguasaan bahasa itu. Di samping kemahiran dan teknik seperti menghafal dan mengulang, pembelajaran bahasa berkait dengan aspek psikologi atau non-teknikal seperti motivasi, sikap, kecenderungan, minat, ujian aptitud, sosial dan sebagainya. Penyelidikan tentang bahasa melibatkan pelajar, sistem pembelajaran dan tenaga pengajar termasuklah faktor-faktor penyumbang terhadap perkembangan pembelajaran bahasa tersebut (Dörnyei, 2005; Ehrman, 1996 dalam Sturgeon, t.t). Strategi pembelajaran bahasa juga digunakan dalam pembelajaran bahasa (Cohen & Macaro, 2007; Nunan, 1999; Radha, 1998) bagi tujuan memaksimumkan penguasaan bahasa pelajar.

Pendidikan bahasa Arab semakin berkembang maju dan pelbagai usaha giat dijalankan bagi memperkukuhkan lagi P&P bahasa tersebut. Namun demikian, tahap penguasaan dan pencapaian bahasa ini dalam kalangan pelajar sama ada di peringkat persekolahan mahupun IPT adalah membimbangkan khususnya dalam kalangan pihak yang terlibat dengan pendidikan bahasa tersebut (Kamarul Shukri, 2009). Pencapaian bahasa ini di Malaysia juga menimbulkan persoalan dan perbincangan dalam kalangan pelbagai pihak (Kamarulzaman & Nik Mohd Rahimi, 2005 dalam Kamarul Shukri, 2009; Zainur Rijal & Rosni, 2006), malah ianya masih lagi tidak mencapai objektif sebenar (Kamarulzaman et al., 2002 dalam Kamarul Shukri, 2009). Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA juga rendah (Ab. Halim, 2009). Apa yang cuba dibangkitkan ialah persoalan berkenaan dengan tahap penguasaan pelajar IPT yang lemah dan kurang memberangsangkan walhal proses dan tempoh P&P bahasa ini di alam persekolahan dijangkakan sudah agak mencukupi. Tambahan pula, hampir kesemua IPT di Malaysia menyediakan prasarana dan kemudahan seperti makmal bahasa bagi tujuan proses P&P bahasa tersebut. Justeru, makalah ini cuba meneroka fenomena pembelajaran bahasa Arab di IPT dengan merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan psikologi pelajar terhadap bahasa ini.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meninjau faktor-faktor yang mendorong kecenderungan para pelajar Tahun 1 di USIM terhadap pembelajaran bahasa Arab, seterusnya mencadangkan pendekatan dan strategi yang bersesuaian. Kajian ini akan cuba menjawab persoalan kajian berikut iaitu:

- i. Apakah faktor-faktor yang menyumbang terhadap kecenderungan pelajar Tahun 1 USIM dalam mempelajari bahasa Arab?.
- ii. Apakah strategi dan pendekatan bersesuaian yang dapat diaplikasikan oleh tenaga pengajar dan pelajar USIM dalam proses P&P bahasa Arab?.

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur memfokuskan kepada tiga aspek utama. Pertama, hubungan aspek psikologi dengan P&P bahasa kedua/bahasa asing. Kedua, pendekatan Pembelajaran berpusatkan Pelajar dalam proses P&P dan ketiga, strategi pembelajaran dalam proses P&P bahasa.

Hubung Kait Aspek Psikologi dengan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kedua/Bahasa Asing

Beberapa kajian-kajian terdahulu yang melibatkan aspek psikologi dalam P&P bahasa kedua/bahasa asing ini seperti aspek motivasi, minat dan sikap pelajar terhadap pembelajaran jenis bahasa ini. Motivasi dan sikap merupakan aspek yang penting dalam pembelajaran bahasa (Daskalovska, Gudeva, & Ivanovska, 2012; Gardner & Lambert, 1959, Spencer & Jago, 1951 dalam Kaseh, Nil Farakh, & Zeti Akhtar, 2010; Oroujlou & Vahedi, 2011).

Menurut Sturgeon (t.t.), faktor sikap, motivasi dan aptitud merupakan peramal yang berkesan dalam pembelajaran bahasa asing. Faktor motivasi dan sikap pelajar memberi pengaruh dalam pembelajaran bahasa asing (Ashinida, 2010; Csizér & Dörnyei, 2005; Dörnyei, 2003; 2005; Ehrman & Oxford, 1995; Gardner & Lambert, 1972 dalam Sturgeon, t.t; Kharma & Hajaaj, 1988; Masgoret & Gardner, 2003). Aptitud pula dilihat sebagai komponen kompetensi yang wujud secara fitrah, dipelajari atau dibangunkan oleh seseorang untuk melakukan sesuatu tugas pada tahap-tahap tertentu. Aptitud merujuk kepada kebolehan atau kemahiran semula jadi dalam diri seseorang (Hornby, 2001). Kebolehan seseorang itu biasanya diukur secara kuantitatif dengan menggunakan alat ukuran seperti contoh Modern Language Aptitude Test (MLAT). Faktor efikasi sendiri (*self-efficacy*) pula merupakan kepercayaan seseorang akan keupayaan diri dalam menyempurnakan satu tugas dan pada tahap mana ia mampu mencapainya. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran secara efikasi sendiri mempengaruhi motivasi pembelajaran bahasa tersebut (Ehrman & Oxford, 1995; Horwitz, 1988;

Saito, Horwitz, & Garza, 1999 dalam Sturgeon, t.t). Walaupun banyak kajian yang mengkaji hubungan di antara peranan sikap, persepsi, motivasi dan efikasi sendiri pelajar dalam pembelajaran bahasa, masih ada ruang untuk mengaitkannya dengan faktor aptitud bagi tujuan mengkaji keberkesanan peranan faktor-faktor tersebut dalam pembelajaran bahasa dan psikologi pendidikan. Secara tidak langsung, ianya dapat membantu para pendidik mengenal pasti sikap dan kepercayaan negatif dalam diri pelajar di samping memberi motivasi kepada mereka.

Kaseh et. al. (2010) menjalankan kajian berkenaan dengan orientasi motivasi dalam kalangan individu yang mempelajari bahasa Arab berdasarkan *Self Determination Theory*. Kajian menggunakan item soal selidik yang ditadbir kepada 228 orang pelajar Muslim di institusi pendidikan tertiar di Malaysia di mana bahasa Arab merupakan salah satu syarat pengajian di institusi terbabit. Komponen-komponen kajian meliputi *Intrinsic Motivation-Knowledge, Intrinsic Motivation-Accomplishment, Extrinsic Motivation-Identified Regulation, Amotivation and Religious Motivation*. Kajian mendapati Motivasi Keagamaan merupakan sub-dimensi orientasi motivasi yang baru dalam kalangan pelajar Muslim. Ini menunjukkan bahawa motif keagamaan yang kuat mendorong para pelajar untuk mempelajari bahasa Arab terutamanya yang melibatkan disiplin ilmu agama dan personaliti keberagamaan dalam kalangan pelajar.

Mohd Firdaus (2003) merumuskan bahawa sikap merupakan salah satu faktor penting yang mampu merangsang motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris seterusnya meramal pencapaian pelajar di sekolah mahupun IPT. Justeru, perubahan sikap ke arah lebih positif dianggap sebagai titik tolak dalam merangsang motivasi seterusnya meningkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa di kalangan pelajar. Pencapaian pelajar dalam bahasa Inggeris juga bergantung kepada guru, alam sekitar, kurikulum dan kaedah pengajaran. Begitu juga dalam pembelajaran bahasa Arab, faktor-faktor tersebut tidak boleh diketepikan. Ahli pendidikan bahasa Arab mengenal pasti bahawa ketiadaan motivasi di kalangan pelajar dalam pembelajaran bahasa ini menimbulkan kesulitan dalam pengajaran di pihak guru (Husayn, 2000). Selain itu, persekitaran yang memberangsangkan serta menggalakkan pembudayaan bahasa tersebut dilihat sebagai faktor yang membantu (Wan Azura et al., 2006). Guru berperanan sebagai pencetus kecenderungan terhadap pembelajaran bahasa Arab (Sohair, 1990) dan mereka haruslah sentiasa peka terhadap pendekatan yang sesuai bagi merangsang kecenderungan mereka.

Oroujlou dan Vahedi (2011) menyatakan bahawa faktor motivasi dan sikap mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. Jenis motivasi integratif, motivasi instrumental dan gabungan kedua-dua jenis motivasi ini berperanan dalam meningkatkan penguasaan dan keberkesanan pembelajaran bahasa

kedua. Sikap merupakan set kepercayaan bagi melakukan sesuatu perkara juga mempengaruhi pembelajaran bahasa ini. Beberapa strategi dicadangkan oleh penyelidik dalam meningkatkan motivasi luaran dan membentuk sikap yang positif dalam mempelajari bahasa kedua ini. Antaranya ialah mewujudkan suasana mesra atau iklim harmoni di dalam bilik kuliah, menggalakkan pelajar untuk membentuk personaliti belajar mereka secara pembelajaran berpusatkan pelajar, memberi pujian dan penghargaan kepada pelajar, menggalakkan pelajar menentukan matlamat dan jangkaan jangka pendek, menjalankan aktiviti secara berpasangan dan dalam kumpulan bagi meningkatkan keyakinan diri dan pembelajaran bahasa di luar bilik kuliah seperti pembelajaran bahasa berbantuan komputer, perisian komputer dan sebagainya.

Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Kualiti P&P di IPT sangat bergantung kepada pelbagai faktor dan ciri seperti penggunaan pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai dan relevan sepanjang proses P&P (Opdenakker & Damme, 2006). Ini kerana ia melibatkan aspek penguasaan pelajar dalam ilmu, kemahiran, sikap, persepsi dan kepercayaan mereka terhadap apa yang mereka pelajari. Faktor gaya dan tingkah laku pengajaran pensyarah (Zaidatol Akmaliah, Jamaliah, & Rahyl, 2005), ciri-ciri guru/pensyarah, hasil pembelajaran yang menepati objektif pembelajaran juga menyumbang kepada kualiti tersebut. Secara umumnya, faktor-faktor ini melibatkan proses pembelajaran yang aktif dan koperatif secara dua hala antara pensyarah dengan pelajar. Pelajar dan pensyarah berada dalam keadaan 'menang-menang' (*win-win situation*) dalam mencapai sasaran hasil pembelajaran yang bertepatan dengan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Situasi ini akan dapat mewujudkan satu bentuk penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang integratif secara teoretikal dan aplikasi yang relevan dengan keperluan pelajar.

Salah satu pendekatan yang diperkenalkan dalam P&P ialah pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centred learning-SCL*). *SCL* didefinisikan sebagai satu pendekatan pendidikan yang memfokuskan kepada keperluan pelajar, berbanding dengan penglibatan sepenuhnya oleh pendidik (guru atau pensyarah). Proses *SCL* memberikan autonomi/kebebasan serta kawalan yang luas kepada pelajar berkenaan dengan kursus yang mereka ambil, penggunaan kaedah pembelajaran dan kecepatan penerimaan ilmu sepanjang pengajian mereka (Gibbs, 1992, dalam Sparrow, Sparrow, & Swan, 2000). Ciri-ciri utama pendekatan *SCL* yang menyatakan bahawa pelajar seharusnya mendapat lebih banyak input dalam beberapa perkara berikut, Pertama, apa yang dipelajari tentang kursus tersebut, kedua, bagaimana kursus ini dipelajari dan ketiga, bila berlakunya proses pembelajaran untuk

kursus tersebut. Dengan itu, pelajar perlu bertindak, berperanan serta bertanggungjawab dalam situasi dan konteks pembelajaran mereka, dan secara tidak langsung, aktif dalam menentukan matlamat dan objektif dan mengurus proses pembelajaran mereka. Pelajar juga bebas meneroka proses pembelajaran secara mendalam berdasarkan keinginan dan minat mereka sendiri terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan dengan bantuan dan sokongan daripada pensyarah (yang berperanan sebagai fasilitator). Fokus pencapaian dalam pembelajaran tersebut bukan hanya tertumpu semata-mata kepada pencapaian keputusan akademik yang tinggi, malah pelajar diberikan ruang untuk mempraktikkan dan meningkatkan nilai-nilai peribadi murni seperti fleksibel, keyakinan diri, kemahiran sosial, ketelusan, keterbukaan komunikasi (Motschnig-Pitrik & Holzinger, 2002). Di samping itu, pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada guru/pensyarah untuk memenuhi 3 ciri pembelajaran di atas (Sparrow et al., 2000). *American Psychological Association* (APA) telah menggariskan 14 prinsip *SCL* yang dibahagikan kepada empat bahagian (McCombs, 2003). Prinsip-prinsip tersebut adalah:-

A) Cognitive and Metacognitive Factors

1. *The learning process is most effective when meanings are constructed from experience.*
2. *Over time, learners can create meaningful and coherent representations of knowledge.*
3. *Learners are able to link new information with existing knowledge in meaningful ways.*
4. *Learners can create and use thinking strategies to achieve complex learning goals.*
5. *Learners with higher order strategies can develop creative and critical thinking.*
6. *Learning is influenced by environmental factors namely culture and instructional practices.*

B) Motivational and Affective Factors

1. *Learners' motivation will affect what and how much is learnt.*
2. *Learners' motivation to learn is shaped by creativity, higher order thinking and natural curiosity.*
3. *Motivation is a crucial factor that can determine learners' effort towards learning.*

C) Developmental and Social Factors

1. *Learning is most effective when differential development within and across physical, emotional, intellectual and social domains is considered.*
2. *Learning is influenced by social factors like communication and interactions.*

D) Individual Differences Factors

- 1. Prior experiences and heredity can mould learners' learning strategies and approaches.*
- 2. Learning is most effective when learners' differences are taken into account.*
- 3. Setting high and challenging standards is an integral part of the learning process.*

Strategi Pembelajaran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa

Istilah strategi pembelajaran penting dalam kajian pembelajaran bahasa. Penyelidikan tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) merupakan sesuatu yang baru (Zamri, Mohamed Amin, & Jamaluddin dalam Kamisah, Mohd Rozaidi, Mohd Zaki, Ngo Kea Leng, & Roslina, 2005). Menurut Kamarul Shukri (2009), strategi pembelajaran bahasa merujuk kepada langkah dan tindakan khusus yang diguna pakai oleh pelajar bagi memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, cepat, menyeronokkan, bersifat sendiri, efektif dan senang dipindahkan ke suasana baru dengan melibatkan prosedur mental dan komunikatif terhadap bahasa sasaran. Justeru, beberapa penyelidik (antaranya, Kamarul Shukri, 2009; Kamarul Shukri, Nik Mohd Rahimi, Mohamed Amin, & Zamri, 2009; Supian & Shameem, 2005 dalam Kamisah et al., 2005; Zamri, 2005; Zawawi et al., 2005) telah mengkaji aspek SPB dalam proses P&P bahasa.

Kamarul Shukri (2009) dan Kamarul Shukri et al. (2009) membincangkan profil Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) yang memfokuskan terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Terengganu. Fokus kajian ialah mengkaji hubungan di antara penggunaan SPB dengan faktor seperti tahap pencapaian, motivasi pembelajaran, jantina, tahap pendidikan ibu bapa, jumlah pendapatan keluarga dan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam satu minggu. Kajian mendapati bahawa penggunaan SPB oleh pelajar secara keseluruhannya adalah tahap rendah. Manakala tahap motivasi pelajar adalah sederhana. Secara umumnya, pelajar berprestasi tinggi dan bermotivasi tinggi didapati menggunakan SPB lebih kerap berbanding kumpulan tahap pencapaian dan motivasi lain. Kajian merumuskan bahawa proses dan strategi pembelajaran amat penting dalam mengukuhkan kejayaan pembelajaran bahasa. Strategi metafizik dalam pembelajaran bahasa Arab perlu diterokai dan diamalkan kerana ia memberi impak motivasi dan mempunyai hubungan kuat dengan amalan keagamaan dan kebudayaan khususnya di Malaysia.

Kajian kuasi-eksperimental telah dijalankan oleh Supian dan Shameem (2005) terhadap 20 orang pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah Agama Tinggi, Bangi Selangor. Fokus kajian berkenaan penghayatan strategi belajar dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu dengan mengkaji dan membuat perbandingan jenis-jenis strategi yang digunakan para pelajar terhadap pembelajaran ayat transformasi satu dasar. Kajian ini juga meninjau sama ada strategi pembelajaran dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman ayat transformasi tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keenam-enam strategi yang diperkenalkan oleh Oxford (1990) telah digunakan oleh para pelajar. Strategi yang paling banyak digunakan ialah strategi kognitif di samping strategi metakognitif, strategi memori, strategi afektif, strategi sosial, dan strategi kompensasi. Kebanyakan strategi yang digunakan adalah berkait rapat dengan unsur psikologi. Ini kerana cara pembelajaran bahasa oleh seseorang pelajar dengan pelajar yang lain mempunyai perbezaan yang unik dan tersendiri.

Zamri (2005) menjalankan kajian perbandingan strategi pembelajaran antara jantina pelajar ketika belajar bahasa di luar kelas. Kajian bertujuan mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang digunakan oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kajian melibatkan responden dalam kalangan empat orang pelajar cemerlang dan empat orang pelajar lemah dalam subjek bahasa Melayu (BM) dengan berdasarkan gred keputusan BM dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga jenis kategori SPB iaitu SPB paling popular, popular dan kurang popular yang diamalkan oleh responden terbabit. Kebanyakan SPB yang digunakan dikelompokkan dalam enam pola utama iaitu penggunaan pelbagai alat bantuan, teknik belajar, peruntukan masa belajar, memberi tumpuan, membaca pelbagai bahan dan penghayatan agama. Terdapat beberapa strategi yang mendorong kecenderungan pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu berdasarkan tahap prestasi sama ada cemerlang atau lemah dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Antara bentuk SPB yang digunakan berbentuk kognitif, afektif, metakognitif dan interaksi sosial seperti rasa bermotivasi, memberi tumpuan, penghayatan agama, penerapan nilai murni, sikap positif, amalan latih tubi, mendengar ceramah agama, komunikasi interpersonal bersama ibu bapa, rakan dan guru-guru dan sebagainya.

Satu kajian perbandingan berkenaan dengan masalah penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Arab dan Jepun dijalankan oleh Zawawi et al. (2005). Antara masalah yang diutarakan oleh pengkaji dalam menguasai kedua-dua bahasa ini ialah gangguan bahasa ibunda. Gangguan bahasa ibunda ini merujuk kepada perbezaan di antara bahasa Arab dan Jepun dengan bahasa Melayu dari segi fonetik, morfologi, sintaksis, dan semantik yang menyebabkan penguasaan bahasa Arab dan Jepun dalam kalangan pelajar bukan natif adalah lemah. Masalah lain adalah persekitaran

bahasa dan budaya yang tidak membantu, faktor psikologi dan sosial seperti persepsi negatif, takut disindir dan sebagainya. Antara langkah-langkah bagi mengurangkan masalah penguasaan tersebut ialah memberi pemahaman konsep sebenar bahasa asing, sikap positif, motif atau motivasi kenapa belajar bahasa tersebut, mewujudkan persekitaran bahasa, penggunaan kemudahan ICT dan melakukan pembiasaan/latihan komunikasi bagi tujuan pengukuhan.

Sebagai rumusan tinjauan literatur, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran bahasa sama ada bahasa pertama, bahasa kedua atau bahasa asing ada melibatkan faktor-faktor seperti strategi, pendekatan, dan gaya P&P. Unsur-unsur psikologi seperti motivasi, persepsi, perbezaan individu, psikologi sosial, emosi, afektif, kognitif, metakognitif, kemahiran insaniah (*soft skills*) di samping kemahiran teknikal memainkan peranan yang signifikan dalam proses pembelajaran bahasa.

METOD KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan reka bentuk kuantitatif. Data diperoleh melalui edaran borang soal selidik kepada 100 orang pelajar Tahun 1 USIM di dua buah fakulti yang pernah mengikuti kursus bahasa Arab di universiti ini dan mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa ini di peringkat menengah rendah dan menengah atas. Seramai 59 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan 41 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dipilih sebagai subjek kajian. Kaedah pensampelan menggunakan subjek yang dipilih berdasarkan kes khusus yang ingin dikaji iaitu kecenderungan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab yang memfokuskan kepada dua fakulti tersebut.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi faktor demografi seperti latar belakang subjek kajian yang meliputi maklumat peribadi dan pengalaman mempelajari bahasa Arab di USIM, pernyataan atau item soalan mengenai minat mempelajari bahasa Arab, penguasaan terhadapnya, faktor kecenderungan, silibus yang digunakan, pendekatan dan teknik pengajaran serta aktiviti ko-kurikulum tambahan. Ruangan komen atau cadangan juga dinyatakan bagi tujuan penambahbaikan pembelajaran bahasa Arab. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk mendapatkan suatu keputusan kajian. Kaedah

analisis statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah dalam kajian yang digunakan oleh pengkaji mengikut cara-cara tertentu (Chua, 2006; Pallant, 2011).

DAPATAN KAJIAN

Analisis Data

Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan (*frequencies and percentage*). Analisis data yang diperoleh daripada borang soal selidik adalah seperti berikut:-

Jadual 1: Profil subjek kajian mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	31	31
Perempuan	69	69
Jumlah Keseluruhan	100	100

Jadual 2 : Profil subjek kajian mengikut fakulti

Fakulti	Kekerapan	Peratusan
Fakulti Pengajian Bahasa Utama	59	59
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	41	41
Jumlah Keseluruhan	100	100

Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan faktor demografi subjek kajian dari segi jantina dan fakulti. Subjek kajian terdiri daripada 100 orang pelajar Tahun 1 dari FPBU dan FPQS. Dari segi jantina, jumlah pelajar lelaki adalah seramai 31 orang (31%), manakala jumlah pelajar perempuan adalah seramai 69 orang (69%). Dari segi fakulti pula, seramai 59 orang pelajar dari FPBU dan seramai 41 orang (41%) dari FPQS. Keseluruhan subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar Tahun 1 yang mengikuti kursus bahasa Arab di USIM.

Jadual 3 : Tempoh mempelajari bahasa Arab oleh subjek kajian

Tempoh Mempelajari Bahasa Arab	Kekerapan	Peratusan
1-5 tahun	3	3
6-10 tahun	74	74
11-15 tahun	22	22
16 tahun ke atas	1	1
Jumlah Keseluruhan	100	100

Jadual 3 menunjukkan tempoh mempelajari bahasa Arab di kalangan subjek kajian yang terlibat. Seramai 3 orang pelajar (3%) telah mempelajari bahasa Arab bagi tempoh antara 1 hingga 5 tahun, manakala 74 orang (74%) telah mempelajari bahasa ini di antara tempoh 6 hingga 10 tahun, seramai 22 orang (22%) telah mempelajari dalam sekitar tempoh 11 hingga 15 tahun dan hanya seorang (1%) sahaja yang telah mempelajari bahasa Arab sekitar tempoh masa 16 tahun ke atas.

Jadual 4 : Masa permulaan mempelajari bahasa Arab

Masa permulaan mempelajari bahasa Arab	Kekerapan	Peratusan
Sekolah Rendah	28	28
Sekolah Menengah	72	72
Jumlah Keseluruhan	100	100

Jadual 4 menunjukkan masa permulaan para subjek kajian mempelajari bahasa Arab. Majoriti pelajar mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah menengah iaitu seramai 72 orang (72%), manakala seramai 28 orang (28%) telah mempelajari bahasa Arab ini bermula sejak di sekolah rendah lagi. Keputusan ini menandakan bahawa pelajar-pelajar terbabit sudah memperoleh pendedahan dan pengalaman pembelajaran bahasa Arab ini seawal peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Jadual 5 : Taburan kekerapan dan peratusan respons tentang pernyataan soal selidik

Pernyataan	Ya		Tidak Pasti		Tidak	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1. Adakah anda berminat untuk mempelajari bahasa Arab?	94	94%	5	5%	1	1%
2. Adakah anda menguasai bahasa Arab dengan baik?	4	4%	45	45%	51	51%
3. Apakah faktor utama yang mendorong anda mempelajari bahasa ini? (pilih satu jawapan sahaja)						
i. Persekitaran	10	10%	-	-	-	-
ii. Teknik pengajaran guru/pensyarah	7	7%	-	-	-	-
iii. Silibus	8	8%	-	-	-	-
iv. Sokongan ibu bapa, guru/pensyarah dan rakan-rakan	11	11%	-	-	-	-
v. Peluang kerjaya masa hadapan	6	6%	-	-	-	-
vi. Sebagai medium untuk memahami subjek-subjek lain yang berkaitan	10	10%	-	-	-	-

vii. Tuntutan memahami kandungan al-Quran dan hal-hal keagamaan.	48	48%	-	-	-	-
4. Pada pendapat anda silibus kursus bahasa Arab di USIM sesuai dan menepati keperluan pelajar?	77	77%	22	22%	1	1%
5. Adakah teknik pengajaran penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar?	99	99%	1	1%	0	0%
6. Pada pendapat anda, setiap kemahiran dalam bahasa Arab (menulis, membaca, bertutur dan mendengar) mempunyai pendekatan yang berbeza?	80	80%	14	14%	6	6%
7. Pada pendapat anda, adakah teknik pengajaran yang digunakan oleh pensyarah USIM memadai untuk menambah minat pelajar dan membantu penguasaan dalam pembelajaran bahasa ini?	43	43%	37	37%	20	20%
8. Adakah aktiviti ko-kurikulum tambahan seperti program perkhemahan bahasa Arab, mentor-mentee, kursus intensif bahasa membantu menambah kecenderungan pelajar terhadap bahasa ini?	92	92%	5	5%	3	3%

Jadual 5 menunjukkan bahawa 94% pelajar Tahun 1 di kedua-dua buah fakulti menunjukkan minat dalam mempelajari bahasa Arab. Ini memaparkan minat yang mendalam dan kesesuaian pengajian dalam fakulti yang mengutamakan pembelajaran bahasa Arab. Namun, mereka mengakui bahawa mereka masih kurang menguasai bahasa tersebut (45%) atau tidak dapat menguasainya dengan baik (51%) walaupun kebanyakan pelajar ini telah lama mengikuti pembelajaran bahasa Arab iaitu melebihi tempoh 6 tahun pengajian. Seterusnya, faktor tuntutan memahami kandungan al-Quran, al-Hadis dan hal-hal keagamaan merupakan faktor paling utama bagi pelajar mempelajari bahasa Arab iaitu sebanyak 48%, diikuti dengan faktor sokongan ibu bapa, guru/pensyarah, rakan-rakan (11%), persekitaran (10%), dan sebagai medium untuk memahami subjek-subjek lain (10%). Manakala faktor silibus sekitar 8%, teknik P&P sebanyak 7% dan faktor peluang kerjaya sebanyak 6%. Dari segi silibus pula, sebanyak 77% pelajar menyatakan kesesuaian silibus kursus bahasa Arab di USIM dan menepati kehendak pelajar, manakala sebanyak 22% menyatakan kurang pasti kesesuaiannya dan hanya 1% menyatakan silibus kursus tidak sesuai dan menepati kehendak pelajar. Majoriti pelajar (99%) berpendapat teknik P&P merupakan faktor penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka. Namun, 43% daripada mereka berpendapat teknik P&P pensyarah USIM sudah memadai untuk meningkatkan minat dan membantu penguasaan mereka. Manakala 37% kurang pasti dan 20% pula menyatakan teknik yang digunakan tidak memadai untuk membantu pembelajaran

bahasa Arab mereka. Majoriti pelajar (sebanyak 80%) berpendapat bahawa subjek kemahiran bahasa seperti kemahiran Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis mempunyai pendekatan yang berbeza, 14% tidak pasti akan keperluan perbezaan dalam pendekatan pembelajaran. Manakala hanya 6% menyatakan tiada perbezaan pendekatan dalam setiap kemahiran tersebut. Seterusnya, sebanyak 92% pelajar berpendapat aktiviti ko-kurikulum tambahan dapat membantu menambahkan kecenderungan pembelajaran bahasa, 5% kurang pasti dan hanya 3% berpendapat aktiviti-aktiviti tersebut dapat membantu meningkatkan pembelajaran bahasa Arab mereka.

IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kecenderungan terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahun 1 di dua buah fakulti di USIM adalah memberangsangkan, namun mereka juga mengakui masih kurang menguasai bahasa tersebut dengan baik. Kecenderungan pembelajaran ini didorong oleh pelbagai faktor penyumbang terutamanya faktor matlamat pembelajaran yang lebih menjurus kepada memenuhi kefahaman tentang pengajian agama Islam dan tuntutan keagamaan. Ini menunjukkan bahawa keperluan bahasa Arab adalah signifikan dalam memahami asas-asas kehidupan beragama dalam kalangan pelajar. Faktor-faktor lain termasuklah sokongan daripada ibu bapa, guru/pensyarah dan rakan-rakan serta sebagai medium dalam memahami kursus yang dipelajari sepanjang pengajian mereka. Persekitaran juga berperanan dalam menjana kecenderungan pelajar kerana persekitaran yang kondusif mampu mencetuskan semangat, motivasi dan minat pelajar. Walaupun peratusan faktor peluang kerjaya adalah kecil, namun keperluan kepada kajian lanjutan terhadap kursus bahasa Arab di IPT perlu dijalankan bagi menjamin *survival* pengajian bahasa Arab pada masa akan datang.

Selain itu, peranan tenaga pengajar dan pihak IPT penting dalam membantu meningkatkan minat dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa ini. Guru atau pensyarah di IPT perlu kreatif dan inovatif dalam penggunaan pendekatan dan teknik P&P yang sesuai dalam kemahiran bahasa. Setiap kemahiran bahasa tersebut mempunyai pendekatan dan aktiviti yang berbeza untuk meningkatkan minat dan penguasaan pelajar. Pelajar perlu dilatih mengaplikasikan dan mempraktikkan bahasa tersebut melalui pembelajaran berpusatkan pelajar (*SCL*) agar mereka lebih berdikari dan aktif dalam pembelajaran dengan tidak bergantung sepenuhnya kepada guru atau pensyarah. Beberapa pendekatan *SCL* seperti pembelajaran seperti pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah (*problem-based learning*) dan pembelajaran berasaskan aktiviti (*activity-based learning*) sesuai diterapkan dalam pembelajaran bahasa Arab. Gabungan teknologi dan pendidikan berperanan dalam membina suasana pembelajaran yang

lebih berkesan. Penggunaan ICT dan aplikasi internet/laman web dalam proses P&P juga dapat menimbulkan minat pelajar dan membantu mereka menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih berkesan (Lubna, Seween, & Wan Azura, 2008; Mohamed Amin, 2012, 2011). Seterusnya, penganjuran program dan aktiviti ko-kurikulum tambahan berbahasa Arab seperti program perkhemahan bahasa Arab, mentor-mentee, kursus intensif dan sebagainya di luar waktu kelas juga dapat dilakukan. Pembelajaran yang hanya tertumpu di dalam kelas boleh menjadikan pelajar mudah jemu dan mengikis minat mereka terhadap subjek tersebut. Program seperti Kursus Intensif Bahasa Arab Luar Negara boleh dianjurkan sebagai satu langkah pengukuhan bahasa tersebut (Wan Azura, Arnida, Lubna, & Ahmad Fazullah, 2008).

Dalam masa yang sama, pedagogi memerlukan perubahan baru agar sasaran tumpuan pembelajaran ialah menjadikan fikiran pelajar (*students' thinking*) yang perlu dilihat dan ditonjolkan. Penggubalan silibus sedia ada memerlukan sentuhan baru dalam menjana keperluan pelajar dalam pembelajaran kontemporari. Cabarannya ialah menggubal reka bentuk persekitaran pembelajaran dan proses di mana gaya fikiran dan pengetahuan pelajar dapat dimanifestasikan dalam bentuk yang aktif, kolaboratif, pembangunan-kendiri dan pembelajaran-kendiri (Tan, 2004). Proses pemindahan ilmu (*knowledge transmission*) seharusnya berlaku dalam bentuk yang lebih aktif dan koperatif di antara para pelajar dan pendidik sehingga pelajar cenderung merasai sendiri pelbagai pengalaman pembelajaran yang wujud ketika proses itu berlangsung. Pengalaman ini akan memberi suatu impak pembelajaran sama ada dari segi kognitif, afektif, psikologi, sosial dan psikomotor para pelajar berkenaan. Dapatan kajian yang diperoleh membawa kepada implikasi terhadap aspek kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dari segi aspek psikologi pelajar (seperti minat, motivasi, sikap dan sebagainya), pendekatan dan teknik P&P, dan strategi pembelajaran bahasa yang diguna pakai oleh pelajar. Beberapa implikasi kajian dikemukakan bagi memupuk kecenderungan minat dan motivasi para pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab khususnya di IPT Malaysia. Antara implikasinya adalah dari segi:

- i. **Matlamat pembelajaran:** Menetapkan matlamat pembelajaran bahasa Arab adalah untuk mengkaji dan memahami ilmu-ilmu Islam seperti pengajian al-Quran, al-Hadis, Shari'ah dan sebagainya yang bersumberkan teks atau kitab rujukan yang berbahasa Arab. Di samping itu, bahasa Arab juga dapat diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti penterjemahan, pelancongan, perdagangan, keusahawanan, perbankan dan kewangan, pengiklanan, penyiaran dan sebagainya. Ini menjadikan matlamat pembelajaran bukan hanya tertakluk kepada penguasaan aspek linguistik dan laras bahasa sahaja, malah merentasi pelbagai disiplin ilmu dan konteks.

- ii. **Kemudahan pembelajaran:** Menyediakan lebih banyak kemudahan terkini yang dapat membantu peningkatan bahasa pelajar seperti buku, majalah, iklan, memo, perisian komputer dan sebagainya dalam bahasa Arab.
- iii. **Pendekatan pengajaran dan pembelajaran:** Mempelbagaikan teknik pembelajaran berpusatkan pelajar dan strategi pengajaran yang kreatif seperti penggunaan multimedia, klip-klip video dari internet, e-pembelajaran, aktiviti nyanyian nasyid, syair, qasidah, *role-play*, lakonan, drama pendek dan sebagainya. Ini mendedahkan para pelajar kepada aspek keaslian, kefasihan, gaya bahasa (*uslub*) dan kesenian penggunaan bahasa Arab dalam kalangan bangsa Arab.
- iv. **Aktiviti pengukuhan:** Mengadakan aktiviti seperti pertandingan menulis esei, poster, kuiz, membina blog, pencarian bakat penyair muda (seperti rancangan realiti TV seperti *Ameer al-Shu'ara'* (*Prince of Poets*), galakan berkomunikasi dalam bahasa Arab di kampus, menyertai persatuan bahasa, memperbanyakkan kursus intensif seperti *Arabic Language for Specific Purposes* (ALSP) kepada pelajar, aktiviti ko-kurikulum tambahan yang lain, menganjurkan program pertukaran pelajar ke Timur Tengah dan sebagainya.
- v. **Perancangan pengurusan akademik:** Menggubal silibus seperti cadangan topik-topik semasa, penambahan jam kredit, lawatan akademik ke pusat-pusat pengajian bahasa di dalam dan luar negara, mengadakan ujian kelayakan bagi kursus bahasa Arab sama seperti ujian bahasa Ingeris (contohnya, *Arabic Placement Test* di UIAM, dan *Malaysian University English Test-MUET*), menubuhkan institut penyelidikan khusus dalam mengkaji isu-isu pembelajaran dan perkembangan bahasa Arab IPT dan sebagainya.

PENUTUP

Pendidikan bahasa khususnya bahasa kedua/bahasa asing adalah unik dan dinamik. Ini kerana ia merupakan bahasa baru yang diterokai dan dipelajari oleh individu pelajar berdasarkan motif tertentu, kaedah pembelajaran tertentu, keperluan perancangan reka bentuk kurikulum dan pendekatan yang sistematik. Oleh itu, kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran bahasa ini juga bukan sekadar aspek kemahiran teknikal seperti latihan hafalan dan ulangan, malah ia dipacu beberapa faktor lain seperti minat, emosi, motivasi, pendekatan P&P oleh pendidik, persekitaran dan strategi pembelajaran yang diguna pakai oleh pelajar. Justeru, kajian ini menyediakan maklumat bagi kajian lanjutan yang bersifat pelbagai disiplin ilmu seperti kajian

pembelajaran bahasa dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat (contohnya, pembelajaran secara *blended learning* dalam pembelajaran bahasa), psikologi kaunseling (contohnya, kajian intervensi dan latihan terhadap masalah pembelajaran bahasa), kajian silang budaya (seperti pembelajaran bahasa dalam konteks latar belakang budaya yang berbeza), kajian keperluan berkenaan *survival* bahasa Arab komunikasi dalam arena globalisasi, kajian strategi pembelajaran dalam sub-sistem bahasa dan kesusasteraan Arab dan sebagainya. Di samping itu, pendekatan kajian perlu diperluaskan bukan hanya tertumpu kepada kajian kuantitatif dan kualitatif sahaja, malah gabungan kedua-dua pendekatan tersebut. Kajian juga perlu melibatkan sampel dan populasi yang lebih luas yang merentasi IPT di Malaysia dan luar negara, pelbagai dimensi serta konstruk kajian. Dengan demikian, perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti dan berkesan oleh setiap pihak agar peradaban bahasa Arab ini dapat diperkasakan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Ashinida Aladdin. (2010). Non-Muslim Malaysian learners of Arabic (NMMMLAs): An investigation of their attitudes and motivation towards learning Arabic as a foreign language in multiethnic and multicultural Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 9, 1805-1811.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan (buku 2)*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, A. D., & Macaro, E. (Eds.). (2007). *Language learner strategies*. 1st published. United Kingdom: Oxford University Press.
- Daskalovska, N., Gudeva, L. K., & Ivanovska, B. (2012). Learner motivation and interest. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 1187 – 1191.
- Hornby, A. S. (2001). *Oxford Fajar: Advanced learner's English-Malay dictionary*. (terj. & ed. Asmah Haji Omar). Cet. kedua. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Husayn Radhi. (2000). *Turuq tadris al-lughah al-arabiyyah min manzur tarbawiy hadith*. Saudi: Maktabah al-Khibti al-Thaqafiyah.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mahamod. (2009). Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41-56.

- Kamisah Ariffin, Mohd Rozaidi Ismail, Mohd Zaki Abd Latif, Ngo Kea Leng, & Roslina Abd Aziz. (Eds.). (2005). *Pendidikan bahasa di Malaysia: Isu, amalan dan cabaran*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Kaseh Abu Bakar, Nil Farakh Sulaiman, & Zeti Akhtar Muhammad Rafeai (2010). Self-determination theory and motivational orientations of Arabic learners: A principal component analysis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(1), 71-86.
- Kharma, N., & Hajaaj, A. (1988). *Al-lughat al-ajnabiyyah: Ta'limuha wa ta'allumuha*. Kuwait: Al-Majlis al-Wathaniy li al-Saqafah wa al-Funun wa al-'Adab.
- Lubna Abd Rahman, Seween Ali Ismail, & Wan Azura Wan Ahmad. (2008). *Mu'awwizat al-wasa'il al-tiknologiyyah fi ta'lim al-lughah al-arabiyyah li ghair al-natiqin biha fi al-jamiat al-hukumiyyah al-Maliziyyah*. Unpublished University Research. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Masgoret, A.-M., & Gardner, R. C. (2003). Attitudes, motivation, and second language learning: A meta-analysis of studies conducted by Gardner and associates. *Language Learning*, 53(1), 123-163.
- McCombs, B. (2003). *Assessing the role of educational technology in the teaching and learning process: A learner-centered perspective*. Retrieved from http://www.ed.gov/rschstat/eval/tech/techconf00/mccombs_paper.html.
- Mohamed Amin Embi. (2012). *Web 2.0 collaboration tools: A quick guide*. Selangor: Centre for Academic Advancement Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Amin Embi. (2011). *Aplikasi web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Pusat Pembangunan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Firdaus Abd. Salam. (2003). *Sikap dan motivasi pembelajaran bahasa Inggeris serta implikasinya terhadap pencapaian: Satu analisis di kalangan pelajar sekolah menengah pedalaman Sabah*. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Motschnig-Pitrik, R., & Holzinger, A. (2002). Students-centered teaching meets new media: Concept and case study. *Journal of Educational Technology and Society*, 5(4), 160-172.
- Nunan, D. (1999). *Second language teaching & learning*. Boston, USA: Heinle & Heinle Publishers.
- Opendakker, M.-C., & Damme, J. V. (2006). Teacher characteristics and teaching style as effectiveness enhancing factors of classroom practice. *Teaching and Teacher Education*, 22, 1-21.
- Oroujlou, N., & Vahedi, M. (2011). Motivation, attitude, and language learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 29, 994–1000 .

- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House Publishers.
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS*. 4th ed. Australia: Allen & Unwin.
- Radha Nambiar. (1998). *Learning strategies: A Malaysian perspective*. Selangor: Faculty of Language Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim. (1990). *Satu tinjauan tentang masalah-masalah pengajaran mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Sparrow, L., Sparrow, H., & Swan, P. (2000). Students centered learning: Is it possible? *In Proceeding of Teaching and Learning Forum*.
- Sturgeon, C. M. (t.t.). *Aptitude, attitude and motivation as predictors in foreign language learning*. Retrieved from <http://d.scribd.com/docs/m3yvhh2iywy08e2sps1.pdf>.
- Tan, O. S. (Ed.). (2004). *Enhancing thinking through problem-based learning approaches: International perspectives*. Singapore: Thomson Learning.
- Wan Azura Wan Ahmad, Arnida A. Bakar, Lubna Abd. Rahman, & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin. (2008). Sumbangan kursus intensif bahasa Arab luar negara dalam meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa Arab: Tinjauan di Universiti Sains Islam Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*, 743-753.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar, & Ahmad Pangidoan Nasution. (2006). *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Jamaliah Abdul Hamid, & Rahyl Mahyuddin. (2005). Choice of teaching strategies by business lecturers. *National Seminar on Higher Education Teaching and Learning 2005 (June 2005)*. Selangor: Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Zainur Rijal Abdul Razak, & Rosni Samah. (2006). Cabaran dan halangan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 5*, 357-362.

Wan Azura Wan Ahmad
Lubna Abd. Rahman
Fakulti Pengajian Bahasa
Utama Universiti Sains Islam Malaysia
wanazura@usim.edu.my
lubna@usim.edu.my

Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
fazullah@ump.edu.my